

BULETIN



EDISI 2023

eISSN 3009-1071



Funniest
Cat of the
Month

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR





KANDUNGAN

- KATA ALUAN KETUA JABATAN
- PENGURUSAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
- PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR
- FUNGSI JABATAN
- MINGGU TRANSFORMASI SISWA
- UNIT DISIPLIN
- UNIT BIASISWA
- MPP
- PROMOSI
- UNIT KEBAJIKAN
- CSR

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

MOHD SYAHNAN BIN MD ZAIN

KETUA EDITOR

**SITI SYAIDATUL AKMAL BINTI
KAMARUDDIN**

EDITOR

CIK NORDIN BIN NAYAN

**MUHAMMAD SOLIHIN
BIN YAAKUB**

MOHMAD NAZRI BIN MAHBOP

**WAN SITI FATIMAH
BINTI WAN AB RAHMAN**

Diterbitkan oleh:

Politeknik Sultan Azlan Shah

Behrang Stesen, Behrang

35950 Perak

Tel: 05-4544431

Faks: 05-4544993

Email: <http://www.psas.edu.my>

Terbitan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Buletin Jabatan Hal Ehwal Pelajar Edisi 2023

eISSN : 3009-1071

KATA ALUAN

KETUA JABATAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan izinNya dapat kita bertemu melalui Buletin JHEP bagi tahun 2023 yang julung kalinya diterbitkan. Setinggi penghargaan kepada yang terlibat dalam menyediakan buletin ini yang merupakan bahan rujukan pelbagai program yang dijalankan oleh semua unit di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Usaha yang terencana oleh Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) untuk melahirkan graduan yang seimbang, berciri keusahawanan dan holistik dan mempunyai ciri kepimpinan, beradab, bersusila, berdikari, ketahanan fizikal dan mental telah membawa kepada penubuhan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) pada Mac 2002.

JHEP dibahagikan kepada dua unit utama berlandaskan kepada fungsi bahagian. Teras kepada matlamat dan halatuju JHEP digariskan dalam pernyataan objektif, visi dan misi jabatan.

Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua warga JHEP dan PSAS kerana telah melaksanakan program dengan baik sepanjang tahun 2023. Terima kasih atas segala kenangan dan memori yang terpahat di dalam buletin ini. Semoga usaha dan sumbangan dalam penerbitan buletin ini dapat memberi manfaat kepada semua.



MOHD SYAHNAZ BIN MD ZAIN
KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

PENGURUSAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



TS. MOHD ZULKEFLI BIN IBRAHIM
PENGARAH



MUHAMAD ADHA BIN SHAMDIN @ SHAMSUDDIN
TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKAEMIK



MOHD SYAHNAN BIN MD ZAIN
KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



CIK NORDIN BIN NAYEN
KETUA UNIT
PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR
KEBAJIKAN & DISIPLIN (MPP)



MOHAMAD NAZRI BIN MAHBOP
PEGAWAI PENGAMBILAN DAN DATA



MOHD ZAID BIN ISMAIL
PEGAWAI ALUMNI



MARZUKI BIN SAPIAL
PEGAWAI YES



SITI SYAJDATUL AKMAL
BINTI KAMARUDDIN
PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR
KEBAJIKAN & DISIPLIN (DISIPLIN)



ROHANA BINTI WAHAB
PEMBANTU TADBIR (P/O)



WAHIDA BINTI OTMAN
PEMBANTU TADBIR (P/O)



MOHAMMAD MAZLI BIN MUSLIM
PEMBANTU OPERASI

PEGAWAI -PEGAWAI


JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



FAUZIAH BINTI AARIF
KETUA DISIPLIN



MOHD SAIFUL IZWAN BIN ABDULLAH
KETUA DISIPLIN



NORAIMI BINTI AHMAD
PEGAWAI PENGAMBILAN



MUHAMMAD SOLIHIN BIN YAAKUB
PEGAWAI BIASISWA



WAN SITI FATIMAH BINTI WAN AB RAHMAN
PEGAWAI KEBAJIKAN



HERDAWATI BT AHMAD
PENASIHAT MMP 1
PEGAWAI DATA



NOR HIDAYAH BINTI AB WAHAB
PENASIHAT MMP 2

FUNGSI

JABATAN

Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) bertanggungjawab menjaga hal ehwal serta kebajikan pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di Politeknik Sultan Azlan Shah.

JHEP komited dalam menggalakkan dan memperkayakan aktivitiviti kurikulum pelajar dengan memberikan perkhidmatan berkualiti bagi merangsang pembangunan pelajar secara berterusan.

Jabatan ini terdiri dari dua unit yang saling bantu membantu di antara satu sama lain. Unit-unit tersebut adalah Unit Pengambilan & Data (P & D) dan Unit Kebajikan Dan Disiplin (K & D)

Di antara fungsi JHEP

- 1. Mengendali urusan pengambilan dan Pendaftaran Pelajar baharu dan senior**
- 2. Mengumpul, menyedia, menyimpan dan mengemaskini rekod dan pangkalan data pelajar**
- 3. Memberi perkhidmatan kepada pelajar dalam perkara berkaitan biasiswa dan bantuan kewangan, kebajikan, keselamatan dan disiplin pelajar**
- 4. Menggalakan kegiatan berpersatuan bagi pelajar semasa**
- 5. Memastikan kegiatan pelajar melibatkan program pembangunan sahsiah ke arah pembentukan lulusan yang seimbang, berkeperibadian mulia, inovatif, dinamik dan berketerampilan.**



PROGRAM

2023



MTS SESI 2 2022/2023

Minggu Transformasi Siswa

Sesi 2 2022/2023 pada 30 Januari 2023, Politeknik Sultan Azlan Shah telah menerima 155 orang pelajar dari 4 Jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik , Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Perdagangan.

Minggu Transformasi Siswa (MTS) ini dijalankan selama 5 hari yang merangkumi sesi pendaftaran asrama, kursus dan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai dari setiap unit. Sesi ini dijalankan bagi memastikan pelajar baru mengetahui maklumat terkini dan latar belakang Politeknik.



POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN AZLAN SHAH

Sesi Pendaftaran Kamsis



POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN AZLAN SHAH



MTS SESI 1 2023/2024

Minggu Transformasi Siswa

Sesi 1 2023/2024 pada 21 Ogos 2023, Politeknik Sultan Azlan Shah telah menerima 661 orang pelajar dari 4 Jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Perdagangan.

Minggu Transformasi Siswa (MTS) ini dijalankan selama 5 hari yang merangkumi sesi pendaftaran asrama, kursus dan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai dari setiap unit. Sesi ini dijalankan bagi memastikan pelajar baru mengetahui maklumat terkini dan latar belakang Politeknik.



Sesi Pendaftaran Kamsis



OPERASI RUPA DIRI SESI 2 2022/2023

Operasi 1 & 2



Operasi Rupa Diri Pelajar dilaksanakan bagi tujuan memastikan pelajar mematuhi peraturan Rupa diri ketika berada didalam Politeknik yang telah ditetapkan dibawah AKTA 174 AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERIB) 1976

Operasi melibatkan 2291 orang pelajar yang berada di Politeknik bagi Sesi 2 2022/2023 telah melalui proses pemeriksaan Rupa Diri.

207 saman telah dikeluarkan merangkumi kesalahan berambut panjang ,rambut diwarnakan , tidak memakai kad matrik dan memakai pakaian tidak sesuai.

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

OPERASI RUPA DIRI SESI 1 2023/2024



Operasi 1 & 2

Operasi Rupa Diri Pelajar dilaksanakan bagi tujuan memastikan pelajar mematuhi peraturan Rupa diri ketika berada didalam Politeknik yang telah ditetapkan dibawah AKTA 174 AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976


Operasi melibatkan 2808 orang pelajar yang berada di Politeknik bagi Sesi 1 2023/2024 telah melalui proses pemeriksaan Rupa Diri.

270 saman telah dikeluarkan merangkumi kesalahan berambut panjang ,rambut diwarnakan , tidak memakai kad matrik dan memakai pakaian tidak sesuai.

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

OPERASI KENDERAAN SESI 2 2022/2023

Operasi 1 & 2



Operasi Kenderaan Pelajar dilaksanakan bagi tujuan memastikan pelajar mematuhi peraturan lalulintas di kawasan politeknik yang telah ditetapkan dibawah AKTA 174 AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

Operasi melibatkan Kederaan pelajar iaitu kereta dan motosikal. Sebanyak 472 buah kenderaan bagi Sesi 2 2022/2023 telah melalui proses pemeriksaan kenderaan.

56 saman kenderaan telah dikeluarkan merangkumi kesalahan tiada lesen memandu , tidak mendaftar kenderaan di Jabatan Hal Ehwal pelajar dan tidak mempunyai stiker kenderaan yang sah.

OPERASI KENDERAAN SESI 1 2023/2024



Operasi 1 & 2

Operasi Kenderaan Pelajar dilaksanakan bagi tujuan memastikan pelajar mematuhi peraturan lalulintas di kawasan politeknik yang telah ditetapkan dibawah AKTA 174 AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

Operasi melibatkan Kederaan pelajar iaitu kereta dan motosikal. Sebanyak 472 buah kenderaan bagi Sesi 1 2023/2024 telah melalui proses pemeriksaan kenderaan.

35 saman kenderaan telah dikeluarkan merangkumi kesalahan tiada lesen memandu , tidak mendaftar kenderaan di Jabatan Hal Ehwal pelajar dan tidak mempunyai stiker kenderaan yang sah.



PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI DAN DISIPLIN PELAJAR KAMHSIS SESI 2 2022/2023



Program Pembangunan Sahsiah diri dan disiplin pelajar kamsis 2023 diadakan pada 23 Mei 2023, yang bertempat di Dewan Muallim, Politeknik Sultan Azlan Shah yang dianjurkan oleh Unit Disiplin dan MPP dengan Kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Muallim

Program ini bertujuan membentuk disiplin pelajar dan rasa tanggungjawab pelajar bagi mematuhi peraturan Politeknik Sultan Azlan Shah. Selain itu program ini juga turut memberi kesedaran tentang pentingnya gejala sosial dan kesan terhadap kesihatan.



PROGRAM KESELAMATAN PLUS BERSAMA KOMUNITI LEBUHRAYA SESI 1 2023/2024



Program ini dianjurkan pada 25 Oktober 2023 di Dewan Muallim, Politeknik Sultan Azlan Shah. Program ini dianjurkan oleh Unit Disiplin dengan kerjasama PLUS Malaysia Berhad dan dibantu oleh Majlis Perwakilan Pelajar PSAS bagi menganjurkan Program Keselamatan PLUS Bersama Komuniti Lebuhraya.

Penganjuran Program ini adalah bagi memupuk amalan baik keselamatan jalan raya dan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah untuk mematuhi peraturan dan etika semasa di jalan raya.

Program ini telah disempurnakan oleh Encik Husni bin MD Yusuf, Pengurus Wilayah Tengah PLUS Berhad dan turut dihadiri oleh Encik Muhammad Adha bin Shamdin@Shamsuddin, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) Politeknik Sultan Azlan Shah

>>> PROGRAM <<<

DERMASISWA B40

PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN LATIHAN VOKASIONAL (TVET)



>>> Program Dermasiswa B40 Pendidikan Teknikal dan latihan Vokasional (TVET) .Dikhususkan kepada pelajar B40 yang mengikuti pengajian dalam bidang TVET di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Setakat ini seramai 32 orang pelajar menerima DERMASISWA B40 TVET dan akan ditawarkan setiap kali pengambilan perdana yang akan datang. <<<

>>> TAKLIMAT <<<

PTPTN

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL



Taklimat PTPTN sempena Minggu Transformasi Siswa Sesi I: 2023/2024. Taklimat ini disampaikan oleh pegawai dari Cawangan PTPTN Ipoh. Seramai 960 orang pelajar yang aktif menerima pinjaman PTPTN



>>> BIASISWA <<<


YAYASAN MSU

MANAGEMENT AND SCIENCE UNIVERSITY



>>>

Tawaran Biasiswa Yayasan MSU kepada Graduan Diploma 2024. Sejumlah RM300,000.00 telah diperuntukkan kepada 30 orang penerima yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di MSU. Majlis Pelancaran dan Penyerahan Biasiswa telah dilaksanakan pada 5 Disember 2023 bertempat di MSU, Shah Alam.



<<<

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

**MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2023/2024**



5 APRIL 2023 | Telah berlangsung majlis penyampaian watikah pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar di Dewan Titanium, ULPL PSAS dari jam 2.30 petang hingga 4.30 petang.

Melibatkan seramai 30 orang pelajar Majlis Perwakilan Pelajar, Politeknik Sultan Azlan Shah telah diberi watikah pelantikan selaku Majlis Perwakilan Pelajar PSAS bagi sesi 2023/2024.

Turut dihadiri Timbalan Pengarah (Akademik), Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Ahli Majlis Pengurusan, Ketua-Ketua Jabatan dan Barisan Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar.



MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

**KEM KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PSAS FASA 1
2023**



Seramai 27 orang pelajar MPP telah terlibat di dalam Kem Kepimpinan MPP PSAS Fasa 1 yang diadakan di Lereng Adventure Camp And Resort, Chemor Perak pada 25-27 Mei 2023.

Majlis Penutup Kem Kepimpinan MPP PSAS Fasa 1 dirasmikan oleh pemilik Lereng Adventure Camp And Resort, En. Nasyarudin bin Umar. Wakil konsultan dari Kem Azzahra Professional, En. Muhammad Imran bin Mokhtar berserta En. Muhammad Hafiz bin Tajudin dan barisan penasihat MPP.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada barisan MPP yang terlibat dengan program ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada barisan fasilitator dan kem komandan bagi menjayakan kem MPP pada kali ini.



MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

PROGRAM MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR BERSAMA PENGURUSAN PSAS BIL.1/2023



18 OGOS | Telah berlangsung program Majlis Perwakilan Pelajar bersama Pengurusan PSAS Bil.1/2023 di Dewan Titanium, ULPL PSAS dari jam 10 pagi hingga 12.30 tengahari.

Program ini merupakan satu platform bagi Majlis Perwakilan Pelajar untuk mengangkat suara pelajar kepada Ahli Majlis Pengurusan. Dapatan aduan dan cadangan daripada para pelajar telah dikumpulkan pada Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pada 10 Mei 2023 yang lalu.

Turut dihadiri Yang Berbahagia, Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim, Pengarah Politeknik Sultan Azlan Shah, Yang Berusaha, Encik Muhammad Adha bin Shamdin @ Shamsuddin, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Ahli-Ahli Mesyuarat Pengurusan dan barisan penasihat Majlis Perwakilan Pelajar PSAS.



TEAM PROMOSI

JOM MASUK POLI 2023



8 JUN 2023 |
KHAMIS

JOM MASUK POLI
2023 : RERUAI PSAS
MERIAH!!!



Sambutan Reruai Politeknik Sultan Azlan Shah meriah sempena Promosi Jom Masuk Poli yang telah mensasarkan 9 buah sekolah yang terpilih :

1. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR BEHRANG 2020
2. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KHIR JOHARI
3. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SLIM RIVER
4. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SYED MASHOR
5. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' ABDUL RAHMAN YA'KUB
6. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO ZULKIFLI MUHAMMAD
7. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN FELDA BESOUT
8. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN METHODIST
9. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PROTON CITY



Promosi Jom Masuk Politeknik ini diketuai oleh Ustaz Mohd Syahnan Md Zain, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, bersama Encik Mohd Nazri Bin Mahbob, Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Pengambilan & Data, serta dibantu penuh oleh 26 pensyarah dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSAS.

Terima kasih atas komitmen semua ahli jawatankuasa dalam memastikan promosi Jom Masuk Poli berjaya mencapai objektif dan sasaran yang telah ditetapkan.

Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang telah menerima keputusan dalam SPM 2022.



TEAM PROMOSI

PROGRAM HARI KERJAYA SMK PROTON CITY

19 Januari 2023, Rabu

Program Hari Kerjaya SMK
Proton City



Hari Kerjaya SMK Proton City ini diketuai oleh Ustaz Mohd Syahnaz Md Zain, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, bersama Encik Mohd Nazri Bin Mahbob, Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Pengambilan & Data, serta dibantu penuh oleh 26 pensyarah dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSAS.

Terima kasih atas komitmen semua ahli jawatankuasa dalam memastikan promosi hari kerjaya SMK Proton City berjaya mencapai objektif dan sasaran yang telah ditetapkan.

Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua pelajar SMK Proton City





KEBAJIKAN

SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN



**MUHAMMAD ADHAM BIN
SHAHRUL NIZAM**

15DKM21F1016
Kemalangan Jalan Raya
4 September 2023



- Memberi sumbangan khairat kematian kepada keluarga pelajar yang meninggal dunia.
- Menyerahkan borang tuntutan insuran kepada keluarga pelajar



PROGRAM OUTREACH 1POLYCC, 1KOMUNITI, 2023



8 November 2023 | Daerah Muallim

Seramai lebih 150 staf dan 600 orang pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah terlibat dalam aktiviti sukarelawan sempena Program Outreach 1POLYCC, 1Komuniti, 2023 di Daerah Muallim. Program ini merupakan satu bentuk pendekatan yang membolehkan pihak POLYCC untuk mendampingi masyarakat setempat dan dapat membantu pihak komuniti yang memerlukan dari segi kepakaran dan kebajikan

YES!Politeknik Malaysia

Yayasan SukarElawan Siswa Politeknik Malaysia telah ditubuhkan pada 15 Julai 2011. YES!Politeknik merupakan satu platform kepada pelajar Politeknik menyumbang khidmat bakti dalam bentuk kemahiran TVET kepada masyarakat. Setiap pelajar Politeknik yang berdaftar adalah sukarelawan siswa Politeknik Malaysia.





Program ini telah bermula dari tarikh 26.10.2023 sehingga 08.11.2023 di sekitar Daerah Muallim. Program ini adalah kerjasama di antara Politeknik Sultan Azlan Shah dengan Majlis Daerah Tanjong Malim, Sekolah Kebangsaan Sungai Behrang, Masjid Al- Hidayah Behrang 2020, Penduduk Taman Behrang 2020 dan Rumah Nur Kasih Bistari, Tanjong Malim. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program berlangsung adalah:

- Menceriakan Taman Permainan Zon Cempaka Behrang 2020,
- Menyelenggara Penghawa Dingin di Sekolah Kebangsaan Sungai Behrang,
- Servis Penukaran Minyak Engin Motorsikal,
- Pemasangan Kamera Broadcast Di Masjid Al- Hidayah Behrang 2020,
- Mengecat Pasu bunga di sepanjang jalanraya di kawasan Slim River – Tanjong Malim,
- Membersihkan Taman Rekreasi Ujana Muallim di Proton City,
- Program Celik IT bersama anak-anak Nur Kasih Bistari; dan
- Bengkel Kesihatan Minda dengan kerjasama Hospital Slim River dan Klinik Kesihatan Slim River bersama komuniti sekitar Daerah Muallim.



Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Encik Yawsawi bin Mat Yasim, Timbalan Pengarah Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Manakala, majlis perasmian penutup program telah disempurnakan oleh Ts. Mohd Zulkefli Bin Ibrahim, Pengarah PSAS. Program ini juga turut dihadiri oleh Encik Muhd Asrul Bin Abdul Ghani, Ketua Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Tanjong Malim, Encik Shahmuri bin Agus, Timbalan Setiausaha Masjid Alhidayah Behrang 2020 dan Encik Zahari Bin Mat Nor, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sungai Behrang.

Program Outreach 1POLYCC, 1Komuniti, 2023 ini merupakan satu manifestasi keprihatinan warga PSAS dalam memberikan manfaat yang nyata kepada masyarakat Muallim melalui aktiviti kesukarelawan. Selain itu, program ini juga dapat melahirkan kakitangan dan mahasiswa TVET yang holistik dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk ilmu pengetahuan, kemahiran teknikal serta cakna dan peka terhadap pentingnya tanggungjawab sosial yang merupakan tanggungjawab semua pihak, sekaligus dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Program ini juga menjadi bukti PSAS ingin memasyarakatkan Politeknik supaya masyarakat sekitar dapat berkongsi kemudahan, kepakaran dan pengetahuan bersama warga PSAS.



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSAS



hep.psas@psas.edu.my

eISSN 3009-1071



9 773009 107001